

POLISI DADAH DAN ALKOHOL

Sarawak Metro Sdn Bhd (SMSB) sentiasa komited untuk mencapai persekitaran kerja yang sihat dan selamat untuk pekerja termasuk pihak berkepentingan. Penyalahgunaan dadah dan alkohol boleh membawa kesan buruk terhadap kesihatan, keselamatan diri dan menjejaskan reputasi Syarikat.


Mengambil kira kesan – kesan tersebut, semua pekerja adalah dilarang melakukan perkara-perkara berikut semasa berada di tempat kerja, premis, kenderaan dan program Syarikat:

1. Mengambil dadah terlarang, alkohol dan/atau menyalahgunakan bahan seumpamanya
2. Membeli dan/atau terbabit untuk membeli dadah terlarang, alkohol atau penyalahgunaan bahan seumpamanya
3. Memiliki dadah terlarang dan/atau alkohol
4. Hadir bekerja di bawah pengaruh dadah terlarang dan/atau alkohol
5. Mengambil, menjual, mengedar dan membekal dadah terlarang dan/atau alkohol

Pekerja - pekerja yang menjalani rawatan perubatan menggunakan dadah terkawal yang boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas dengan selamat dan berkesan dikehendaki melaporkannya kepada penyelia atau pihak berkuasa yang ditetapkan.

SMSB mengakui kewajipannya dan akan mengambil tindakan yang wajar untuk menangani penyalahgunaan dadah atau alkohol dan kesannya di tempat kerja. Syarikat boleh menjalankan penyiasatan, memberikan sokongan jika perlu, dan menguatkuasakan langkah pembetulan selaras dengan polisi ini.

Ketidakpatuhan kepada Polisi ini dianggap sebagai salahlaku yang serius. Tindakan tatatertib boleh diambil oleh Syarikat termasuk tetapi tidak terhad kepada, penggantungan kerja, sesi kaunseling, atau penamatan pekerjaan, bergantung pada tahap keseriusan pelanggaran tersebut



TS. MAZLI BIN MUSTAFFA

Ketua Pegawai Eksekutif
Sarawak Metro Sdn Bhd